



UCAPAN PERASMIAN  
**MAJLIS PEMBUKAAN TAPAK TOREHAN  
DAN MAJLIS PENYAMPAIAN DIVIDEN TSK**

OLEH  
**DATO' MOHAMMAD IZAT BIN HASAN**  
KETUA PENGARAH RISDA

TEMPAT: MARAN, PAHANG  
TARIKH : 14 APRIL 2010  
MASA : 11.00 PETANG

**Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis**

**Yang Berbahagia Dato' Mujahid bin Muhamad  
Pengarah RISDA Negeri Pahang**

**Yang Di hormati Tn. Hj. Wahid bin Merican  
Timbalan Pengarah RISDA Negeri Pahang**

**Pegawai RISDA Daerah Maran serta anggota RISDA**

**Seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-puan Pekebun Kecil yang  
dikasihi serta para hadirin yang dihormati sekalian**

## **Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama melahirkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. dan memanjangkan selawat kepada Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad SAW kerana kita dapat berkumpul pada hari ini dalam Majlis yang amat bermakna ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengurusan RISDA Negeri Pahang khususnya Yg Bhg Dato' Mujahid bin Mohammad yang telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Majlis ini dan penghargaan yang sama kepada semua Pekebun Kecil yang telah

3

berusaha datang dari seluruh Maran untuk menjayakan majlis kita pada pagi ini. Saya berharap Tuan-tuan dan Puan-puan dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dilindungi oleh Allah SWT dalam usaha kita untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab kita.

2. Negara membuka lembaran baru 1Malaysia dengan pelaksanaan Model Ekonomi Baru dan pencapaian hasil Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini. Ini akan mendorong kepada bentuk ekonomi moden yang pesat, masyarakat yang bersatupadu dan

4

kerajaan berwibawa bagi menangani isu-isu seperti penghijrahan keluar tenaga pakar, modal dan penyertaan positif dari semua kaum. Model Ekonomi Baru (MEB) pula akan mengubah ekonomi menjadi ekonomi berpendapatan tinggi yang mampan dan inklusif serta menempatkan negara pada landasan betul untuk mencapai status negara maju menjelang 2020. MEB akan menjadikan Malaysia lebih kompetitif pada peringkat serantau dan global yang menghasilkan manfaat bagi semua rakyat Malaysia di mana pendapatan per kapita masing-masing boleh meningkat kepada AS\$15,000 menjelang akhir dekad, daripada AS\$7,000 sekarang ini.

5

3. Ekonomi Malaysia sudah pulih selepas catatan prestasi luar jangkaan sebanyak 4.5 peratus pada suku keempat 2009. Ini menampakkan bahawa negara sudah berada pada zon bebas daripada kekangan situasi buruk ekonomi yang melanda dunia. Kita berdoa agar keadaan ini akan terus menyebelahi kita bagi memastikan ekonomi negara terus mantap.
4. Saya juga ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan tentang harga getah dan sawit yang kini agak baik. Harga getah dan harga sawit amat memberangsangkan berbanding tahun-tahun sebelumnya dimana harga getah dan sawit telah

6

mengalami kejatuhan yang drastik sejak awal tahun 2009 dan kini telah mulai pulih dan terus meningkat sehingga ke hari ini.

Harga getah SMR 20 dijangka akan terus meningkat kerana kekurangan bahan mentah akibat cuaca yang tidak menentu di kebanyakan negara pengeluar seperti Thailand, Indonesia dan Malaysia. Harga SMR 20 semasa telah mencecah RM10.53 sekilogram pada 13 April 2010. Harga di ladang yang diterima oleh pekebun kecil bagi getah skrap adalah lebih RM5 sekilogram. Harga Minyak Sawit Mentah (MSM) pada 9 April 2010 adalah RM 2,553.50 semetrik tan. Harga bagi Buah Tandan Basah (BTB) adalah lebih kurang RM 450 semetrik tan. MPOB menjangka

7

pengeluaran Minyak Sawit Mentah (MSM) akan meningkat sebanyak 3.1 % pada tahun ini kerana terdapat pemulihan dalam pengeluaran Buah Tandan Sawit (BTS) dan pertambahan kawasan sawit matang. Harga minyak sawit dijangka akan terus meningkat kerana kekurangan pengeluaran minyak dan lemak dunia serta peningkatan permintaan minyak sayuran.

6. Harga getah dan sawit memberi kesan secara langsung kepada pendapatan pekebun kecil terutama mereka yang memiliki keluasan kebun yang kecil dan bergantung sepenuhnya kepada getah dan sawit sebagai sumber utama pendapatan. Dengan

8

kenaikan harga semasa dijangka pendapatan pekebun kecil akan meningkat dan berada di keadaan yang lebih selesa. Seharusnya dengan harga komoditi yang baik ini akan dapat dimanfaatkan oleh pekebun kecil dari segi produktiviti supaya meningkatkan lagi pendapatan melalui peningkatan hasil kebun. Pelbagai usaha untuk meningkatkan pengurusan dan peningkatan produktiviti kebun perlu dilaksanakan berterusan secara terancang dan teratur oleh RISDA. Segala teknologi baru serta amalan pertanian yang baik yang disampaikan oleh pihak RISDA perlu diamalkan supaya dapat meningkatkan lagi produktiviti kebun.

7. Kawasan tanah yang sesuai untuk dibangunkan bagi bidang pertanian mulai terhad. Begitu juga dengan pekebun kecil yang mempunyai keluasan kebun yang terhad iaitu purata 2.3 hektar seorang. Oleh yang demikian, satu pemikiran dan tindakan pro aktif perlu diambil bagi memastikan produktiviti kebun sedia ada dapat ditingkatkan walaupun mempunyai keluasan tanah yang terhad seperti mana petani di negara Jepun, Belanda dan Taiwan. Perkara ini sebenarnya boleh dibuat. Dalam pengeluaran getah contohnya, walaupun keluasan tanaman getah telah menurun dari 1.28 juta hektar ke 1.03 hektar antara tahun 1998 hingga 2007, namun pengeluaran telah meningkat dari 0.68 juta mt dalam

tahun 1998 ke 1.13 juta mt dalam tahun 2008. Ini merupakan satu contoh kejayaan penggunaan teknologi dan aktiviti pengembangan berterusan. Produktiviti kebun merupakan salah satu KPI Kementerian yang diberi tumpuan khusus tahun ini. Pada ketika ini pekebun kecil getah telah berupaya mengeluarkan hasil sebanyak 1,580 kg/hektar/thn dan pada tahun 2010 ini usaha-usaha sedang dilaksanakan supaya produktiviti meningkat kepada 2,000 kg sehektar setahun. Manakala pekebun kecil sawit daripada 18 tan per hektar kepada 19 tan sehektar. Saya yakin produktiviti ini boleh ditingkatkan lagi kerana potensi klon yang sedia ada mampu menghasilkan lebih dan pekebun kecil perlu mengambil

tindakan memastikan bilangan pokok ditoreh sekurang-kurangnya 500 pokok sehektar; meningkatkan bilangan hari menoreh dari purata 11 hari kepada 13 hari sebulan melalui alat kalis hujan; mengamalkan teknologi ransangan; memastikan pokok diberi baja yang betul dan secukupnya; dan melaksanakan amalan pertanian yang baik (good agricultural practices). Peningkatan produktiviti pekebun kecil adalah penting bagi merealisasikan peningkatan pendapatan RM 2,000 sebulan sekeluarga.

8. Saya dengan penuh ikhlas mengucapkan ribuan terima kasih di atas komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Tuan-Tuan dan Puan-puan atas kejayaan mengeluarkan hasil dalam tempoh 4 1/2 tahun. Saya yakin pihak RISDA Pahang semestinya telah menjalankan aktiviti pengembangan kepada tuan-tuan dan puan-puan supaya menjalankan amalan agronomi yang baik dalam meningkatkan hasil dan mengoptimumkan produktiviti bagi tanaman getah dan sawit. Syabas diucapkan kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan dan juga tahniah kepada RISDA Daerah Maran.

13

9. Pada hari ini, saya difahamkan RISDA akan menyampaikan dividen TSK kepada pekebun kecil dari Maran. Semoga dividen yang di terima hari ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban dan dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin demi kebaikan diri dan keluarga masing-masing. Saya berharap pihak RISDA Maran akan sentiasa memantau projek-projek ini agar lebih berjaya dan mampu memberi pulangan secara berterusan kepada tuan-tuan dan puan-puan dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan keluarga, insyaAllah. Ini adalah satu bentuk kejayaan projek yang di buat secara berkumpulan. InsyaAllah, dengan keberkatan doa kita kepada Allah s.w.t., kita akan sentiasa

14

mendapat petunjuk dariNya dan mendapat keredhaan untuk memperolehi kejayaan. Marilah sama-sama kita doakan kepada Allah s.w.t. supaya mudah-mudahan apa yang kita lakukan ini akan mencapai kejayaan dan mendapat keredhaanNya.

10. Akhirkata, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada RISDA Negeri Pahang kerana berjaya menganjurkan satu Majlis yang begitu berfaedah kepada pekebun kecil di negeri ini. Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil Maran untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan akan terus maju dan

15

meningkatkan produktiviti dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan, insyaAllah.

**Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wsb.**

16